

Projek SuriaKu diperluas

UTUSAN
5/9

ARAU 4 Sept. - Kerajaan bercadang memperluaskan projek tenaga solar, SuriaKu untuk golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) ke seluruh negara setelah dibuat penilaian kejayaan projek rintis ini di Padang Siding, Perlis.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah berkata, ini kerana projek SuriaKu yang telah dibangunkan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Kori-dor Utara (NCIA) di Perlis tidak memerlukan perbelanjaan besar malah mewujudkan persekitaran mesra alam.

"Golongan B40 bukan sahaja dapat menjimatkan perbelanjaan tenaga elektrik untuk kegunaan sekeluarga malah dapat menjualnya kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebagai pendapatan sampingan," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan ke rumah peserta projek SuriaKu, Saat Mat, 80, seorang penanam sayur di Kampung Guring, Padang Siding di sini hari ini.



**MOHD. IRWAN
SERIGAR**

Mohd. Irwan Serigar berkata, Saat antara 20 keluarga golongan B40 di Padang Siding yang terlibat dalam projek rintis SuriaKu sejak tahun lepas.

"Keluarga Saat hanya menggunakan tenaga elektrik sebanyak RM25 sebulan tetapi memperoleh pendapatan RM250 sebulan

dengan menjualnya kepada TNB," katanya.

Sehubungan itu katanya, projek SuriaKu di Perlis kini ditambah kepada 100 lagi keluarga golongan B40 dan dijangka siap pada hujung tahun depan.

Beliau berkata, dengan projek yang kreatif dan inovasi oleh agensi terbabit telah mampu membantu golongan B40 memperbaiki taraf hidup kepada lebih baik.

Mohd. Irwan Serigar berkata, kerajaan juga berusaha untuk membantu anak-anak golongan B40 supaya diberikan latihan kemahiran supaya mereka dapat berdikari selain mampu meningkatkan lagi pendapatan isi rumah.